

10 JUN 2003

SABAH-KADAZANDUSUN/I

KCCI SEDIAKAN PELAN INDUK BANTU MASYARAKAT KADAZANDUSUN DALAM
PERNIAGAAN

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 10 Jun (Bernama) -- Dewan Perniagaan dan Industri Sabah Kadazandusun (KCCI) akan menyediakan pelan induk bagi menggalakkan lebih ramai Bumiputera bukan Islam, terutama masyarakat Kadazandusun Murut (KDM) meneroka perusahaan kecil sederhana (PKS).

Presidennya, Datuk Ajit Galun, berkata cadangan pelan induk itu yang tertumpu kepada penyediaan pinjaman Skim Kredit Mikro bernilai RM20,000 ke bawah daripada Bank Pertanian Malaysia (BPM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN), akan dibentangkan di mesyuarat agung dewan itu yang diadakan pada bulan ini.

"Kami akan membincangkan mengenai pelan induk itu secara terperinci sebelum melaksanakannya. Tumpuan kami pastinya pada peluang perniagaan dalam sektor pertanian dan pelancongan seperti makanan dan pakaian tradisi (kain marudu) KDM.

"KCCI serius dalam membantu masyarakat KDM untuk berjaya dalam penerokaan perniagaan. Itulah sebabnya mengapa KCCI bercadang menyediakan pelan induk," katanya kepada Bernama, di sini, hari ini.

Ajit berkata KDM sepatutnya merebut peluang yang ditawarkan menerusi Skim Kredit Mikro itu kerana ia akan membantu mereka memulakan perniagaan apatah lagi permohonan bagi pinjaman tersebut akan diproses hanya dalam satu minggu.

"Ini merupakan peluang yang baik bagi masyarakat KDM untuk memulakan perniagaan mereka sendiri walaupun secara kecil-kecilan," katanya.

Pada 21 Mei lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan langkah baru untuk merangsangkan ekonomi negara dan satu daripadanya adalah untuk menyelaraskan dan mengukuhkan program kredit mikro.

Ia termasuklah penyusunan semula BPM untuk menjadi bank kredit mikro bagi menguruskan pinjaman kepada perniagaan dan perusahaan kecil dalam sektor pertanian dengan sejumlah RM500 juta disediakan di bawah Skim Kredit Mikro.

Selain itu, ia menyediakan dana tambahan RM200 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan menempatkan AIM di bawah skim kredit BPM selain dana baru bernilai RM300 juta di bawah skim bagi BSN untuk membiayai projek bukan-pertanian.

Mengenai masa depan sektor pertanian di Sabah, Ajit berkata: "Terdapat potensi besar sekiranya mereka (masyarakat KDM) bersedia untuk memajukannya bagi asas komersil.

"Setahu saya, terdapat potensi besar dalam perladangan terutama nenas, ubi kayu dan durian tetapi masalahnya adalah pemasaran. Kerajaan boleh membantu dalam bahagian itu."

Beliau berkata sepatutnya lebih banyak promosi dilakukan bagi "Tenom coffee" kerana ia boleh mengukuhkan kebolehpasarannya dan menyediakan peluang perniagaan kepada masyarakat KDM.

Mengenai makanan tempatan KDM, Ajit berkata: "Terdapat pasaran yang baik kerana ia unik. Tetapi tiada restoran yang menyediakan makanan ini walaupun ia sangat popular di kalangan pelancong ketika Pesta Menuai. Ia merupakan satu bahagian yang perlu dimanfaatkan."

Berkaitan perkara ini, beliau menggesa masyarakat KDM termasuk graduan universiti memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan buat permulaan.

Ajit berkata sejak penubuhan kira-kira lapan tahun lalu, KCCI telah berkembang dan kini mempunyai kira-kira 500 anggota dengan beberapa

daripadanya telah mencapai status korporat.

Beliau berkata sejajar dengan matlamat utama KCCI -- untuk menyatukan ahli perniagaan dan profesional KDM demi kepentingan masyarakat -- KCCI akan terus membantu mendapatkan peluang perniagaan sama ada dalam kerajaan atau sektor swasta. -- BERNAMA

NT TJK ZK